

Muhyiddin Terima Kunjungan Hormat Gabenor Yunnan

Bernamea

28 Mac, 2013

PUTRAJAYA, 28 Mac (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin menerima kunjungan hormat Gabenor Wilayah Yunnan, Li Jiheng.

Tiba di Malaysia semalam, gabenor dan delegasinya akan melakukan lawatan kerja empat hari ke negara ini bagi meninjau dan mempertingkatkan kerjasama antara Malaysia dengan Yunnan, wilayah tenggara China itu.

Lawatan itu, atas undangan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia, juga bertujuan mempromosi Ekspo Pertama China-Asia Selatan yang akan diadakan di Bandaraya Kunming dari 6 hingga 10 Jun.

Jiheng dan delegasinya tiba di bangunan Perdana Putra pada 1.30 tengah hari dan kemudian dibawa ke pejabat Timbalan Perdana Menteri di aras empat.

Dengan populasi 46 juta orang, Wilayah Yunnan, satu-satunya wilayah China mempunyai rangkaian hubungan dengan Asia Tenggara dan Asia Selatan, serta berjiran dengan Sichuan, Guizhou, Guangxi, dan Tibet, dan wilayah itu berkongsi sempadan dengan Myanmar, Laos, dan Vietnam.

Pada 2011, Kerajaan Pusat China mengeluarkan inisiatif strategik bermatlamat membina Yunnan sebagai laluan masuk utama China bagi rantau Asia Tenggara dan Asia Selatan.

Mesyuarat antara Timbalan Perdana Menteri dan Gabenor itu berlangsung selama 30 minit, dan Jiheng dijangka menghadiri sidang Kerjasama Perniagaan Yunnan-Malaysia serta Seminar Promosi Ekspo Asia Selatan di Kuala Lumpur, esok.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=937948>